



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

KHAMIS, 3 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>MESYUARAT MKBOKU BINCANG CADANGAN IPTA DILENGKAPI KEMUDAHAN MESRA OKU</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/271522/berita/nasional/mesyuarat-mkboku-bincang-cadangan-ipta-dilengkapi-kemudahan-mesra-oku">https://www.sinarharian.com.my/article/271522/berita/nasional/mesyuarat-mkboku-bincang-cadangan-ipta-dilengkapi-kemudahan-mesra-oku</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2212345">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2212345</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.thesundaily.my/local/mkboku-discusses-ipta-pwd-friendly-facilities-proposal-FC11316524">https://www.thesundaily.my/local/mkboku-discusses-ipta-pwd-friendly-facilities-proposal-FC11316524</a>	THESUNDAILY.MY
	<a href="https://suaramerdeka.com.my/kemudahan-untuk-oku-di-ipta-antara-yang-dicadangkan-dalam-mkboku-nancy-shukri/">https://suaramerdeka.com.my/kemudahan-untuk-oku-di-ipta-antara-yang-dicadangkan-dalam-mkboku-nancy-shukri/</a>	SUARAMERDEKA.COM.MY
	<a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2212345">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2212345</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mesyuarat-mkboku-bincang-cadangan-ipta-dilengkapi-kemudahan-mesra-oku-nancy-430911">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mesyuarat-mkboku-bincang-cadangan-ipta-dilengkapi-kemudahan-mesra-oku-nancy-430911</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994704/mesyuarat-mkboku-bincang-cadangan-ipta-dilengkapi-kemudahan-mesra-oku">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994704/mesyuarat-mkboku-bincang-cadangan-ipta-dilengkapi-kemudahan-mesra-oku</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>JKM CARI WARIS SITI NUR KAMARIAH</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/271464/edisi/melaka-ns/jkm-cari-waris-siti-nur-kamariah">https://www.sinarharian.com.my/article/271464/edisi/melaka-ns/jkm-cari-waris-siti-nur-kamariah</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-cari-waris-siti-nur-kamariah-430872">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-cari-waris-siti-nur-kamariah-430872</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>PETUGAS AGAMA, GURU KAFA RASA DIHARGAI DALAM BELANJAWAN 2023</b>	
	<a href="https://malysiagazette.com/2023/08/02/petugas-agama-guru-kafa-rasa-dihargai-dalam-belanjawan-2023/">https://malysiagazette.com/2023/08/02/petugas-agama-guru-kafa-rasa-dihargai-dalam-belanjawan-2023/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>LELAKI CEKAL JAGA ANAK ANGKAT DERITA TULANG BELAKANG BENGKOK</b>	

<https://www.sinarharian.com.my/article/271598/edisi/melaka-ns/lelaki-cekal-jaga-anak-angkat-derita-tulang-belakang-bengkok>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>2,964 PENDUDUK MELAKA JALANI SARINGAN KANSER PERCUMA</b>	

<https://www.sinarharian.com.my/article/271512/edisi/melaka-ns/2964-penduduk-melaka-jalani-saringan-kanser-percuma>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>SISTEM PENARAFAN PUSAT JAGAAN ELAK TRAGEDI BABIT KANAK-KANAK</b>	

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/08/1134724/sistem-penarafan-pusat-jagaan-elak-tragedi-babit-kanak-kanak>

BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>MALURI LRT SUSPECT UNDER PSYCHIATRIC TREATMENT IN HKL, POLICE SAYS HE'LL BE ARRESTED SOON</b>	

<https://www.therakyatpost.com/news/2023/08/02/maluri-lrt-suspect-under-psychiatric-treatment-in-hkl-police-says-hell-be-arrested-soon/>

THERAKYATPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>[VIDEO] WANITA INDIA SUAP PESAKIT MELAYU MAKAN BUKTI PERPADUAN WUJUD</b>	

<https://www.kosmo.com.my/2023/08/02/video-wanita-india-suap-pesakit-melayu-makan-bukti-perpaduan-wujud/>

KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

3/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BOT KARAM: KANAK-KANAK DIKHUATIRI LEMAS, LIMA SELAMAT</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/02/bot-karam-kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-lima-selamat">https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/02/bot-karam-kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-lima-selamat</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/bot-karam-kanak-kanak-tujuh-tahun-dilaporkan-hilang/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/bot-karam-kanak-kanak-tujuh-tahun-dilaporkan-hilang/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>BAPA RAYU DANA RM250,000 SELAMATKAN NYAWA BAYI</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/02/bapa-rayu-dana-rm250000-selamatkan-nyawa-bayi/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/02/bapa-rayu-dana-rm250000-selamatkan-nyawa-bayi/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>REMAJA OKU RENTUNG DALAM KEBAKARAN RUMAH</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/remaja-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/remaja-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/271451/berita/semasa/kes-oku-rentung-tiada-unsur-jenayah">https://www.sinarharian.com.my/article/271451/berita/semasa/kes-oku-rentung-tiada-unsur-jenayah</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah-430861">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah-430861</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>WANITA DIBAKAR SUAMI DALAM KEADAAN KRITIKAL</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dibakar-suami-dalam-keadaan-kritikal-430960">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dibakar-suami-dalam-keadaan-kritikal-430960</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/271566/berita/semasa/wanita-dibakar-suami-dalam-keadaan-kritikal">https://www.sinarharian.com.my/article/271566/berita/semasa/wanita-dibakar-suami-dalam-keadaan-kritikal</a>	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>WANITA CURI KOTAK PENSEL RM18 UNTUK HADIAH ANAK DAPAT NOMBOR 1</b>	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/674101">https://www.malaysiakini.com/news/674101</a>	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>KEDUDUKAN WANITA DI PANTAI TIMUR TIDAK BOLEH DIPANDANG RENDAH - INOS</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kedudukan-wanita-di-pantai-timur-tidak-boleh-dipandang-rendah-inos-430845">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kedudukan-wanita-di-pantai-timur-tidak-boleh-dipandang-rendah-inos-430845</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>WANITA DIDENDA RM6,500 BERI MAKLUMAT PALSU "ANAK KANDUNG"</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/02/wanita-didenda-rm6500-beri-maklumat-palsu-anak-kandung/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/02/wanita-didenda-rm6500-beri-maklumat-palsu-anak-kandung/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994832/tipu-konon-ibu-kandung-wanita-didenda-rm6500">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994832/tipu-konon-ibu-kandung-wanita-didenda-rm6500</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>IBU 'DUKUNG' PATUNG DIPAKAIKAN BAJU BABY SYIFA HADIRI SESI INKUES</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1135009/ibu-dukung-patung-dipakaikan-baju-baby-syifa-hadiri-sesi-inkues">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1135009/ibu-dukung-patung-dipakaikan-baju-baby-syifa-hadiri-sesi-inkues</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994797/inkues-ibu-dukung-patung-dipakaikan-baju-baby-syifaa">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994797/inkues-ibu-dukung-patung-dipakaikan-baju-baby-syifaa</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/8/2023


BIL	PERKARA	SUMBER
17	<b>JATUH HUKUM PENGASUH CUI TERHADAP DUA BAYI DI TASKA 15 OGOS</b>	
	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/jatuh-hukum-pengasuh-cuai-terhadap-dua-bayi-di-taska-15-ogos-GC11315663">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/jatuh-hukum-pengasuh-cuai-terhadap-dua-bayi-di-taska-15-ogos-GC11315663</a>	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	<b>WARGA EMAS DITEMUI SELAMAT SELEPAS 3 HARI HILANG KETIKA CARI KATAK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1135107/warga-emas-ditemui-selamat-selepas-3-hari-hilang-ketika-cari-katak">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1135107/warga-emas-ditemui-selamat-selepas-3-hari-hilang-ketika-cari-katak</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	<b>WARGA EMAS HILANG SEMASA PULANG DARI HUTAN</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/02/warga-emas-hilang-semasa-pulang-dari-hutan">https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/02/warga-emas-hilang-semasa-pulang-dari-hutan</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	<b>'BIDADARIKU PERLUKAN UBAT BERNILAI RM420,000 UNTUK TERUS HIDUP'</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994748/bidadariku-perlukan-ubat-bernilai-rm420000-untuk-terus-hidup">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994748/bidadariku-perlukan-ubat-bernilai-rm420000-untuk-terus-hidup</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	<b>LELAKI, 60, DIDAKWA LAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL KE ATAS DUA ANAK SAUDARA</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/217415/lelaki-60-didakwa-lakukan-gangguan-seksual-ke-atas-dua-anak-saudara/">https://www.dailyexpress.com.my/news/217415/lelaki-60-didakwa-lakukan-gangguan-seksual-ke-atas-dua-anak-saudara/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



TAJUK :	ISTERI MELECUR DIBAKAR SUAMI MASIH KRITIKAL		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	03 OGOS 2023	M/SURAT :	17
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Isteri melecur dibakar suami masih kritikal


**Kepala Batas:** Wanita yang melecur sehingga 27 peratus pada anggota badan akibat dibakar suaminya menggunakan petrol di rumah mereka di kawasan perumahan ladang kelapa sawit di Tasek Gelugor di sini Isnin lalu, dilaporkan kritikal.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Mohd Asri Shafie, berkata mangsa berusia 35 tahun itu masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Pulau Pinang (HPP) dan berada di bawah pemantauan doktor pakar.

“Berdasarkan maklumat doktor yang merawat mangsa, wanita itu kritikal dan pasukan perubatan sedang membuat pemantauan rapi,” katanya ketika dihubungi BERNAMA, semalam.

Katanya, operasi mengesan suspek yang juga suami mangsa giat dijalankan, namun polis percaya pekerja ladang berusia 36 tahun itu masih berada di sekitar Pulau Pinang atau bersembunyi di negeri jiran.

Mohd Asri meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat suspek agar menyalurkan kepada pihak polis bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan.



TAJUK : PASTIKAN ANAK TAK DISERAH KEPADA PENDERA DI PUSAT ASUHAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Pastikan anak tak diserahkan kepada pendera di pusat asuhan

Fatin Najihah  
Yusof,  
Universiti Sains  
Islam Malaysia

**Kebelakangan** ini banyak dilaporkan kes penderaan kanak-kanak di pusat asuhan. Malah, sebelum ini pun ada kes sudah diseret ke mahkamah dan si pelaku dijatuhkan hukuman. Namun sayangnya tidak menjadi pengajaran dan panduan kepada orang lain.

Misalnya, baru-baru ini tular kes penderaan di Batu Caves, Selangor. Seorang pengasuh dilaporkan tergamak menampar berkali-kali dan menekup muka bayi sebelum meninggalkannya menangis kesakitan.

Kejadian itu memang menandatangani kemarahan umum, malah ia turut menimbulkan rasa bimbang kepada ibu bapa yang bekerja. Manakan tidak, pusat penjagaan kanak-kanak atau kerap juga disebut taska umumnya menjadi pilihan ibu bapa untuk menempatkan anak sepeninggalan mereka keluar mencari rezeki.

Kos bayaran taska juga bukan sedikit, namun kebanyakan ibu bapa sanggup mengeluarkan belanja tinggi bagi memastikan anak selesa dan mereka dapat bekerja dengan tenang.

Jadi tentu saja mereka bimbang dengan penderaan yang dilaporkan berlaku di pusat asuhan. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, 336 kes penderaan kanak-kanak di pusat asuhan dilaporkan pada 2021 hingga 2022, termasuk dari segi fizikal, emosi dan seksual.

Sikap dan perbuatan pengasuh yang kejam serta gagal bertanggungjawab jelas sekali tidak mempunyai kesedaran dan sifat kasih sayang. Rasa sakit dan ketidakselesaan anak asuhan tidak lagi mereka pedulikan.

Isu penderaan tidak boleh dipandang remeh kerana membabitkan perbuatan khianat terhadap kepercayaan yang diberikan.

Kesan perbuatan sebegini mangsa penderaan akan menanggung derita dan trauma berpanjangan. Malah ada juga kes membabitkan kecederaan serius atau cacat kekal, selain tidak kurang

juga meninggal dunia.

Terlintas di fikiran kita, mengapa dan apakah isi hati si pelaku sehingga sanggup melakukan hal sedemikian kepada insan kecil yang lemah melindungi diri sendiri.

## Ibu bapa perlu peka

Ada sesetengah beranggapan penderaan, terutama di pusat asuhan mungkin terjadi disebabkan kerenah kanak-kanak. Mereka mungkin terlalu lasak, aktif hingga memberi tekanan emosi kepada pengasuh.

Namun, faktor itu tidak boleh menjadi sebab penderaan berlaku. Sebagai orang dewasa tentu saja si pelaku boleh mengawal diri dengan baik. Memberi pengajaran dengan memukul, berkata kasar atau menghukum seperti mengurung budak dalam bilik gelap sendirian selama berjam-jam bukan cara yang tepat memberi didikan.

Ibu bapa juga perlu lebih peka dalam memilih pusat asuhan. Mereka perlu menyelidik dan bertanya orang keliling sebelum menghantar anak ke sesebuah pusat asuhan. Contohnya, terdapat pusat asuhan yang tidak berdaftar. Malah ada pengasuh juga tidak mendapat latihan dan kursus yang sepatutnya. Sedangkan dua hal ini adalah perkara penting yang perlu dititikberatkan ibu bapa sebelum menempatkan anak ke pusat asuhan.

Bagaimanapun, kita jangan pula berprasangka semua pusat asuhan tidak mengamalkan sikap profesional. Masih banyak pusat asuhan yang memberi khidmat dan jagaan terbaik kepada anak jagaan.

Pada masa sama, pihak berkuasa juga perlu mengambil tindakan tegas dengan melakukan pemeriksaan ketat setiap pusat asuhan bagi memastikan ikut prosedur. Di samping itu, pihak berkuasa boleh gunakan inisiatif dengan memberi khidmat bimbingan dan kaunseling kepada individu bekerja di pusat asuhan supaya mereka lebih jelas dan peka akan tanggungjawab.

Kanak-kanak perlu disayangi dan dilindungi, tidak salah bersikap paranoid terhadap anak untuk mengelakkan daripada sebarang kemungkinan berlaku. Keputusan untuk memberi kepercayaan kepada orang luar bukan perkara mudah. Justeru, ibu bapa harus lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam memilih pusat asuhan untuk anak.





TAJUK : WANITA SUNTING VIDEO TITAH SULTAN PERAK DISIASAT KES 3R

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 OGOS 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Wanita sunting video titah Sultan Perak disiasat kes 3R

Polis selesai rekod keterangan, keputusan panggil semula bergantung kepada siasatan

Oleh Safeek Affendy Razali  
[safeek@bh.com.my](mailto:safeek@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Siasatan terhadap seorang wanita berhubung klip video yang disunting daripada bahagian kecil titah diraja Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, diklasifikasikan sebagai kes institusi diraja, kaum dan agama (3R).

Tindakan berkenaan dianggap mengheret kedudukan baginda bagi tujuan politik kepartian menjurus kepada 3R.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata pegawai penyiasat selesai menga-



mbil keterangan wanita berusia 46 tahun itu di Balai Polis Cyberjaya, petang kelmarin.

"Tiada tangkapan dilakukan setakat ini dan pihak polis selesai merekod keterangannya.

"Keputusan sama ada dia akan dipanggil semula bergantung kepada siasatan. Ini kes 3R kerana mewujudkan sentimen institusi diraja," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau menegaskan, kes disiasat mengikut Seksyen 505 Kanun Keseksaan, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Hasutan 1948.

Kelmarin, Razarudin mengesahkan sebanyak 24 laporan po-

lis diterima mengenai kes terabit dan siasatan bersabit penuliran rakaman video Sultan Perak yang diolah seakan-akan menyokong sebuah parti politik. Menerusi video disunting itu, seseorang dipercayai wanita yang juga pemimpin Muslimat PAS Melaka, cuba mengetengahkan pandangan Sultan Nazrin terhadap PAS.

Pejabat Sultan Perak turut membuat laporan polis berhubung video yang ditularkan itu, kelmarin.

## Mahu pengaruhi pengundi

Dewan Negara Perak menerusi kenyataan ditandatangani Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral Datuk Seri Diraja Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin, dilaporkan berkata, pihaknya percaya pihak yang memetik dan menularkan semula titah Sultan Nazrin pada 2013 berkenaan dengan tujuan mahu mempengaruhi pengundi menjelang pilihan raya negeri (PRN) di enam negeri pada 12 Ogos ini.

“Keputusan sama ada dia akan dipanggil semula, itu bergantung kepada siasatan. Ini kes 3R kerana mewujudkan sentimen institusi diraja”

Razarudin Husain,  
Ketua Polis Negara



Video berkenaan memuat naik sebahagian kecil titah Sultan Nazrin pada 19 Februari 2013 di Majlis Wacana Perpaduan Ummah anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertemakan 'Perpaduan Ummah: Harapan, Realiti dan Cabaran'.



TAJUK : REMAJA OKU MAUT KEDIAMAN TERBAKAR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 OGOS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

**Manjung:** Gagal menyelamatkan diri dipercayai menjadi punca seorang remaja lelaki orang kurang upaya (OKU) rentung dalam kebakaran rumah di Kampung Dato Sri Kamaruddin, Seri Manjung di sini.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Mohamed Nordin Abdullah berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu pada jam 4.08 petang kelmarin.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati mangsa adalah remaja warga Indonesia dan disahkan meninggal dunia di atas katil dalam salah sebuah bilik kediaman terbabit.

"Hasil siasatan polis mendapati tiada se-

**Mangsa adalah OKU miliki rekod rawatan sawan di Hospital Seri Manjung**

## Remaja OKU maut kediaman terbakar

barang unsur jenayah pada masa kejadian. Mangsa adalah OKU yang mempunyai rekod rawatan sawan di Hospital Seri Manjung dan tinggal bersama ibu serta kakaknya di rumah berkenaan. Ketika kejadian, mangsa berada seorang diri di dalam rumah.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Seri Manjung untuk dibedah siasat bagi mengenal pasti punca kematian. Setakat ini, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR)," katanya.

Beliau berkata, orang awam yang mempunyai maklumat kejadian itu diminta



KEADAAN sebuah rumah di Kampung Dato Sri Kamaruddin, Manjung yang terbakar.

menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung melalui


talian 05-6886222 atau balai polis berdekatan bagi membantu siasatan kes.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Bomba dan Pe-

nyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Penguasa Kanan Bomba I Sabarodzi Nor Ahmad berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kebakaran rumah berkenaan pada jam 4.11 petang sebelum pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seri Manjung bergegas ke lokasi kejadian.

"Kebakaran membabitkan sebuah rumah kelas C yang musnah terbakar 90 peratus. Komander operasi telah mengarahkan anggota bomba menjalankan kerja memadamkan kebakaran.

"Hasil pemeriksaan menemukan mayat rentung seluruh tubuh di atas katil. Mayat diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut dan operasi ditamatkan jam 5.52 petang tadi," katanya.



TAJUK : AID TO BOOST B40 FEMALE ENTREPRENEURS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 03 OGOS 2023

M/SURAT : 11

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Aid to boost B40 female entrepreneurs

**T**o uplift and empower women entrepreneurs from the B40 community, MADCash Sdn Bhd, the developer of MADCash (Multi-Assist Donate Cash) fintech platform, has announced a partnership with the Penang Women's Development Corporation (PWDC).

The effort aims to provide micro-funding to 60 B40 women entrepreneurs as part of an upskilling programme called Wanita Jana Rezeki, scheduled from September to November this year.

This initiative will give each participant RM1,500, sponsored by MADCash.

The funding aims to help cover the cost of specialised courses in culinary and tailoring, providing aspiring businesswomen with skills that will set them on the path to success.

### INTEREST-FREE

An essential aspect of this programme is that the micro-funding will be interest-free, alleviating the financial stress of the recipients. The recipients will repay the amount over 10 months.

The vision of the Wanita Jana Rezeki programme, spearheaded by PWDC, is to equip entrepreneurs with expertise from instructors, help them produce products the market needs and furnish them with knowledge and skills to succeed.

By investing in education, practical



Funding from the Wanita Jana Rezeki programme will cover the cost of courses in culinary skills and tailoring.



MADCash managing director Nuratzah Shamsul Bahartn.

ing director Nuraizah Shamsul Baharin says the funding will enable participants to get education and skills from trainers.

"This is a crucial step that can turn them into better businesswomen and help them improve their livelihoods.

"We are delighted to join PWDC in this noble programme to support the B40 group in Penang."

training and mentorship, the programme aims to foster a conducive environment for business growth and financial independence for women from B40 households.

MADCash managing director Nuraizah Shamsul Baharin says the funding will enable participants to get education and skills from trainers.

"This is a crucial step that can turn them into better businesswomen and help them improve their livelihoods.

"We are delighted to join PWDC in this noble programme to support the B40 group in Penang."

PWDC chief executive officer Ong Bee Leng says: "The Wanita Jana Rezeki programme is designed to support women from the lower-income group to build their own stream of income.

"This year, the programme is focused on entrepreneur skills related to culinary, tailoring and confinement. The women will be given three months of intensive training to build their capacity in their field of interest."

### HELPING MORE WOMEN

The collaboration between MADCash and PWDC opens up avenues to reach out to more women entrepreneurs in need of support in establishing or

expanding their businesses.

By providing funding, the collaboration is expected to reduce conflict in families caused by financial constraints, leading to more harmonious households and stronger group bonds.

Beyond the initial micro-funding, MADCash says it is committed to long-term support of the programme's participants.

"MADCash will continue to monitor the women's progress and they will get support from us in the form of financial and business upskilling, network, mentoring and peer support, valued at RM3,000 per person. This is to ensure their continued growth," says Nuraizah.



PWDC chief executive officer Ong Bee Leng.



TAJUK : COURT TO SENTENCE BABYSITTER ON AUG 15

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 03 OGOS 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Court to sentence babysitter on Aug 15

**JOHOR BAHRU:** The Sessions Court yesterday fixed Aug 15 for the sentencing of a nursery worker who pleaded guilty to two charges of negligence involving two infants.


Lawyer Syufri A. Samad said he was informed by the interpreter of the case postponement as Judge Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim had to be hospitalised.

Nurul Shahira A'shiqin Sulaiman, 28, pleaded guilty on May 21 to charges of neglecting a nine-month-old girl and a seven-month-old boy. The court had set yesterday to hear the facts of the case.

Although she held custody over the infants, she had acted in a manner which was likely to cause physical injury to them.

Nurul Shahira A'shiqin committed the offence in March at a nursery in Jalan Utama 34, Taman Mutiara Rini.

The offence is punishable under Section 31 (1) (a) of the Child Act 2001, which carries a fine of not more than RM50,000, imprisonment of up to 20 years, or both. A good behaviour bond and community service may also be imposed. - Bernama



TAJUK :	MESYUARAT MKBOKU BINCANG CADANGAN IPTA DILENGKAPI KEMUDAHAN MESRA OKU		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	03 OGOS 2023	M/SURAT :	13
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Mesyuarat MKBOKU bincang cadangan IPTA dilengkapi kemudahan mesra OKU

**PUTRAJAYA:** Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dalam mesyuaratnya semalam membincangkan cadangan pelaksanaan projek bagi melengkapkan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kemu-

dahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kemudahan mesra OKU itu adalah dari segi kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan juga bangunan awam.

Mesyuarat yang dipengerusikan

Nancy itu juga melantik 10 individu sebagai anggota baharu MKBOKU di bawah Seksyen 3 (2)(g) Akta Orang Kurang Upaya 2008, berkuat kuasa selama dua tahun bermula 1 Julai 2023 hingga 30 Jun 2025.

“Pelantikan berdasarkan kepada nilai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran

yang luas berkaitan OKU di Malaysia dan juga peringkat antarabangsa,” katanya dalam kenyataan di sini.

Turut dikemukakan dalam mesyuarat itu ialah dapatan Program Audit Akses 2011-2022 oleh Universal Design Unit (Kudu), Department of Architecture in Kuliyah of

Architecture and Environmental Design (KAED) of International Islamic University Malaysia (IIUM) bagi menepati reka bentuk sejagat dan alam bina untuk memudahkan akses kepada penggunaan OKU.

Dua kertas makluman dibentangkan dalam mesyuarat itu antaranya projek

melengkapkan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kemudahan mesra OKU serta laluan khas bagi kemasukan pelajar melalui UPUonline sebagai memenuhi aksesibiliti dan kesaksamaan hak golongan OKU dalam masyarakat.

“Mesyuarat ini bertin-

dad sebagai platform utama kerajaan ke arah pembangunan, pemuliharaan, pembangunan serta pengintegrasian dalam komuniti OKU di negara selaras dengan rukun kesejahteraan seperti yang terkandung dalam aspirasi Malaysia MADANI,” kata Nancy. — Bernama



TAJUK : WARGA EMAS HILANG SEMASA PULANG DARI HUTAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 03 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Warga emas hilang semasa pulang dari hutan

**SIBU:** Seorang lelaki warga emas dilaporkan hilang selepas keluar ke dalam hutan untuk mencari katak di Sungai Banyau, Nanga Sebala Mujong di sini pada Isnin lalu.

Nyipa Ajong, 68, bersama pengadu, yang merupakan cucu lelakinya, telah masuk ke dalam hutan pada 29 Julai lalu dan dilaporkan hilang semasa mereka dalam perjalanan pulang bersama-sama pada pagi 30 Julai.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kapit Penolong Penguasa Bomba Timoty Barat berkata, pihaknya menerima maklumat daripada Balai Polis Kapit berhubung kes orang hilang pada jam 10.32 pagi Isnin.

“Operasi pencarian hanya dapat dilakukan semalam (Selasa) atas faktor jarak dan lokasi kejadian yang jauh dari pekan Kapit.

“Operasi mencari dan



**ORANG HILANG:** Pasukan SAR berkumpul di pekarangan Balai Polis Kapit sebelum bertolak ke lokasi pencarian di Sungai Banyau, Nanga Sebala Mujong kelmarin.

menyelamat (SAR) membabitkan pasukan polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan penduduk rumah panjang pada Selasa,” katanya ketika dihubungi.

Katanya, mangsa dikhuatiri hilang ketika dalam perjalanan pulang dari hutan berkenaan pada 30 Julai.

“Ketika pengadu bersama datuknya berangkat pulang

pada pagi Ahad, pengadu berjalan di hadapan manakala mangsa berjalan di belakang dan selang beberapa minit pengadu menoleh ke belakang mendapati datuknya tiada di belakangnya.

“Pengadu cuba mencari datuknya di sekitar kawasan berdekatan namun gagal ketika itu.

“Pengadu kemudian pu-

lang berseorangan melalui jalan darat dan sungai yang mengambil masa tiga jam untuk sampai di rumah panjang,” katanya.

Timoty berkata, operasi semalam memasuki hari kedua dan pasukan SAR masih belum kembali dari lokasi kejadian untuk mengemas kini laporan setakat jam 6 petang.